

## **PELUANG KERJAYA DALAM INDUSTRI PELANCONGAN ISLAM DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN**

**Siti Zubaidah Ramli, Muslihah Mazlan, Zanariah Aripin**

(Akademi Pengajian Islam, KUIM)

Marina Abdul Manap

(Fakulti Undang-Undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa, KUIM)

**Noraini Abdol Raop**

(Fakulti Sains Sosial, KUIM)

### **Abstrak**

Industri pelancongan di Malaysia telah menjadi salah satu keutamaan kerana dilihat mampu menyumbang pendapatan yang tinggi kepada negara. Perkembangan industri pelancongan ini, turut menyumbang kepada industri pelancongan Islam. Kertas kerja ini bertujuan membincangkan aspek penting dalam pelancongan Islam serta hubungannya dengan peluang kerjaya di Malaysia. Pelancongan Islam adalah aktiviti-aktiviti pelancongan berlandaskan undang-undang syariah dan nilai-nilai Islam dimana ia melibatkan pelancong Islam mahupun bukan Islam ke tempat atau Negara Islam. Pelancongan ini menawarkan beberapa produk dan perkhidmatan hospitaliti yang patuh syariah. Antaranya adalah perkhidmatan penyediaan hotel mesra halal, perkhidmatan kewangan Islam, perkhidmatan pengangkutan halal, pakej pelancongan Islam, makanan halal dan standard halal. Penawaran produk dan perkhidmatan hospitaliti ini secara tidak langsung telah membuka peluang pekerjaan di Malaysia khususnya bagi melahirkan tenaga pakar dalam industri halal seiring Rancangan Malaysia ke 11.

**Kata Kunci:** *kerjaya, pelancongan Islam, produk halal*

## **JOB OPPORTUNITIES IN ISLAMIC TOURISM IN MALAYSIA: AN OVERVIEW**

### **Abstract**

Tourism industry in Malaysia has become one of the priorities as significant income contribution to the state. The development of the tourism industry, also contributed to Islamic tourism. This paper aims to discuss important aspects in Islamic tourism and the relationship with job opportunities in Malaysia. Islamic tourism is tourism activities based on Sharia law and Islamic values where it involves Muslims and non-Muslim tourists to the place or the Islamic State. This tour offers some hospitality products and services that are Sharia-compliance such as providing halal-friendly hotels, Islamic financial services, halal transportation services, Islamic travel packages, halal food and halal standard. Offering hospitality products and services offered indirectly created employment opportunities in Malaysia especially to produce experts in the halal industry in consistent with Rancangan Malaysia Ke-11.

**Keywords:** job opportunities, Islamic tourism, halal product

### **PENGENALAN**

Industri pelancongan di Malaysia telah menjadi salah satu keutamaan kerana dilihat mampu menyumbang pendapatan yang tinggi kepada negara. Sumbangan yang diberikan oleh industri ini mencakupi pelbagai aktiviti ekonomi seperti perusahaan perhotelan, penginapan, pengangkutan, perkhidmatan dan kemudahan infrastruktur yang sekaligus mampu meningkatkan ekonomi negara. Industri ini juga dilihat sebagai penyumbang kepada penjanaan kewangan melalui perolehan tukaran mata wang asing sebagai medium pertukaran dalam urusan perdagangan, guna tenaga kerja dan pendapatan melalui penawaran kemudahan seperti penginapan, makan minum dan lain-lain. Buktinya, pada tahun 2014, sektor pelancongan telah menjadi penyumbang keenam terbesar dalam penjanaan ekonomi negara iaitu sebanyak 14.9% keluaran dalam negara kasar (Unit Perancang Ekonomi, 2015).

Industri pelancongan merupakan sektor yang terus berkembang dewasa ini terutamanya dalam konteks globalisasi. Kehadiran pelancong ke Malaysia yang mencatatkan jumlah seramai 29 juta orang pada tahun 2015 telah menyumbangkan pendapatan sebanyak RM 89 bilion kepada negara. Industri ini juga secara tidak langsung telah membuka lebih banyak peluang pekerjaan kerana memerlukan ramai tenaga kerja seiring dengan peningkatan kemasukan pelancong luar ke Malaysia (Ahmad Syafiq, 2016). Antara pekerjaan yang boleh ditawarkan ialah pekerja hotel, pemandu pelancong, kedai cenderamata dan kraftangan. Perkembangan dalam industri pelancongan secara tidak langsung akan memajukan

juga industri lain seperti pengangkutan, pertanian dan penternakan. Malah, jumlah pengangguran juga dapat dikurangkan.

Perkembangan industri pelancongan ini, turut melibatkan perkembangan industri pelancongan Islam. Hal ini dibuktikan dengan pertambahan pelancong dari Asia Barat yang datang ke Malaysia pada 2006-2007. Kemasukan pelancong Timur Tengah ke Malaysia pada 2006-2007 dari negara Asia Barat adalah seperti berikut; Arab Saudi (67, 679 kepada 78, 298), Iran (18, 753 kepada 227,215). U.A.E (35,118 kepada 38,170). Oman (11, 905 kepada 19,525) dan Qatar (8,386 kepada 11,782) (Tourism Key Performance Indicators, 2008). Menurut Hazarina, Murphy & Nazlida (2006) kadar pasaran pelancongan Islam di seluruh dunia dianggarkan menyumbang sebanyak 10 peratus daripada kira-kira USD852 billion pada 2009 berdasarkan jumlah pendapatan pelancongan antarabangsa (UNWTO, 2010).

## **KONSEP PELANCONGAN ISLAM**

Pelancongan menggambarkan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh seseorang pelancong ketika ia mengembara dan menetap disesuatu tempat. Dalam al-Quran terdapat banyak ayat yang menggariskan asas-asas pelancongan yang digambarkan oleh syariah. Konsep pelancongan Islam dari perspektif Islam muncul daripada beberapa definisi seperti rehlah, ziarah, siyahah, umrah dan haji (Suhaimi Ab. Rahman, et. al, 2011). Ramai penyelidik telah memberikan definisi pelancongan Islam. Antaranya Shakiry (2006) menyatakan konsep pelancongan Islam tidak terhad kepada pelancongan keagamaan tetapi meliputi bentuk-bentuk pelancongan kecuali yang menentang kepada nilai-nilai Islam.

Tambahan lagi, Hassan (2007) melihat pelancongan Islam dari dua aspek iaitu pendefinisian secara sempit dan meluas. Pendefinisian secara sempit, beliau menjelaskan "Pelancongan Agama" adalah lawatan ke semua tempat-tempat suci di seluruh Dunia Islam. Manakala pendefinisian secara meluas ia adalah jenis pelancongan yang mematuhi nilai-nilai Islam. Kebanyakan nilai-nilai ini dikongsi dengan agama dan bukan agama lain (contohnya kod etika yang digalakkan oleh Pertubuhan Pelancongan Dunia). Ia memerlukan rasa hormat kepada masyarakat dan persekitaran setempat, memberi manfaat kepada penduduk tempatan, kesopanan dan mempelajari tentang budaya lain.

Handerson (2009) turut menjelaskan bahawa pelancongan Islam ini bukan hanya khusus untuk masyarakat muslim bahkan meliputi masyarakat bukan muslim yang didorong untuk mengembara kerana Islam ke tempat masyarakat Islam. Henderson (2010) menyatakan pelancongan Islam adalah usaha pembangunan dan pemasaran produk yang direka untuk masyarakat Islam. Dorongan ini bukanlah selalu atau kehendak agama secara keseluruhan. Para pelancong boleh mengikuti pengalaman percutian yang serupa dengan orang bukan Islam walaupun parameter yang ditetapkan oleh Islam dan destinasi tidak semestinya lokasi di mana undang-undang Syariah dilaksanakan.

Zamani-Farhani & Henderson (2010), mendapati bahawa pelancongan Islam dan pelancongan halal adalah konsep yang sama. Pelancongan Islam ditakrifkan sebagai pelancongan oleh orang Islam yang memilih untuk menetap dalam budaya mereka. Definisi ini menekankan hakikat bahawa pelancongan Islam untuk orang Islam dan lokasi adalah dalam Negara Islam. Walaubagaimana pun, definisi ini tidak mengambil kira keperluan undang-undang Islam dalam pelancongan.

Dogan (2011) juga mendefinisikan pelancongan Islam meliputi aktiviti pelancongan oleh masyarakat Islam di destinasi tepi pantai bertujuan untuk bersantai dan berhibur disamping perkhidmatan hospitaliti yang melaksanakan prinsip-prinsip Islam.

Menurut Duman (2011), pelancongan Islam adalah aktiviti pengembaraan masyarakat Islam ke sesuatu tempat asing untuk tempoh tidak melebihi setahun bagi melakukan aktiviti-aktiviti yang boleh meningkatkan ketakwaan dan keimanan individu serta berpandukan prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh Syariah.

Noor Fiteri Abdullah dan Masnisah Mukhtar (2014) turut menjelaskan dari segi prinsipnya kepatuhan kepada system dan nilai yang ditetapkan oleh syarak serta sepanjang pelancongan mestilah diisi dengan kegiatan yang mendapat keredhaan Allah SWT. Ia bukan sekadar aktiviti santai malah dapat membentuk kearah insan yang lebih baik dari sebelumnya.

Jafari dan Scott (2014) mendefinisikan pelancongan Islam sebagai galakan pelancong untuk memenuhi keperluan undang-undang syariah tetapi mementingkan agama yang dianuti oleh pelancong.

Carboni et. Al (2014) mendefinisikan pelancongan Islam sebagai pelancongan yang mengikut nilai Islam, melibatkan masyarakat Islam yang berminat dengan tabiat agama peribadi mereka semasa dalam perjalanan dan tidak terhad hanya untuk tujuan agama dan bukan semata-mata dalam negara Islam.

Menurut Pusat Pelancongan Islam (2016), definisi pelancongan Islam ditakrifkan sebagai apa-apa aktiviti, acara dan pengalaman yang dilaksanakan dengan niat baik mengikut ajaran Islam.

Berdasarkan beberapa definisi di atas, konsep pelancongan Islam meliputi perkara-perkara berikut:

1. Produk dan perkhidmatan yang disediakan perlu mengikut nilai-nilai Islam dan patuh prinsip Syariah (Shakiry,2006; Hassan, 2007; Dogan, 2011; Noor Fateri Abdullah & Manisah Mukhtar, 2014, Jafari & Scott, 2014, Caboni et. Al, 2014 dan ITC, 2016).
2. Ia melibatkan masyarakat Muslim (Zamani-Farhani & Henderson, 2010; Dogan, 2011; Duman, 2011; Jafari & Scott, 2014 dan Caboni et. Al,2014), dan bukan Muslim (Henderson, 2009).

3. Tempat tidak terhad kepada tempat-tempat suci masyarakat Islam (Hassan, 2007), Negara-negara Islam (Handerson, 2009 dan Zamani-Farhani & Henderson, 2010), destinasi tepi pantai (Dogan, 2011) bahkan ia juga melibatkan tempat-tempat bukan Islam (Duman, 2011 dan Carboni et. Al, 2014) yang patuh nilai-nilai Islam.
4. Aktiviti yang dilakukan bertujuan meningkatkan ketakwaan dan keimanan pelancong Muslim (Duman, 2011) serta mendapatkan keredhaan Allah SWT (Noor Fateri Abdullah & Manisah Mukhtar, 2014).

Maka secara kesimpulannya, pelancongan Islam adalah pelancongan yang melibatkan pelancong muslim atau yang bukan muslim ke destinasi masyarakat muslim ataupun tidak tetapi produk dan perkhidmatan perlulah mengikut nilai-nilai dan prinsip syariah. Aktiviti yang dilakukan bukan sekadar untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT bahkan dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan.

## **ELEMEN PATUH SYARIAH DALAM PELANCONGAN ISLAM**

Berdasarkan pendefinisian tersebut, pelancongan Islam menawarkan beberapa produk dan perkhidmatan hospitaliti yang patuh syariah. Patuh Syariah dalam pelancongan Islam bermaksud menyediakan produk dan perkhidmatan selaras dengan prinsip-prinsip syariah. Syariah merujuk kepada segala perintah Allah SWT yang mengatur kehidupan setiap muslim. Syariah juga mempunyai dua sumber iaitu sumber utama dan sokongan. Sumber utama terdiri daripada al-Quran dan Sunnah Rasullullah SAW. Sumber sokongan seperti Ijma', Qiyas, Ijtihad Ulama' dan masalah.

Halal ditakrifkan sebagai sesuatu yang dibenarkan dan dengannya tidak wujud sekatan dan perbuatannya dibenarkan oleh Allah SWT (Al-Qardawi, 2013). Istilah ini bermaksud 'dibenarkan' menurut undang-undang Islam. Ia juga salah satu daripada lima hukum (al-ahkam al-khamsah) yang mengkategorikan tindakan manusia dalam Islam. Selain halal adalah wajib, sunat muaakad, makruh dan haram (Faruki, 1966).

Justeru itu, pelancongan Islam meliputi beberapa komponen penting yang patuh syariah dan selaras dengan nilai-nilai Islam. Berikut merupakan komponen yang diketengahkan oleh beberapa pengkaji bagi memperincikan produk dan perkhidmatan pelancongan yang patuh syariah.

1. Penyediaan Makanan dan Hidangan Halal (Noriah Ramli, 2011; Wan Sahida Wan Zulkifli et. al, 2011; Noor Fiteri Abdullah & Manisah Mukhtar, 2014; Mevlüt Akyol dan Özgür Kiliñç, 2014 dan Muhamed Battour & Mohd Nazari Ismail, 2015).

Antara ciri-cirinya adalah:

- Tidak menghidang minuman keras atau alkohol
- Produk makanan halal iaitu haiwan yang disembelih mengikut syariah bukan produk berasaskan darah, arak, haiwan liar dan burung pemangsa
- Kandungan makanan yang halal
- Dapur dan restoran hendaklah mendapatkan pensijilan halal oleh JAKIM
- Peralatan dan bahan bebas daripada benda-benda yang haram
- Pengurusan penyimpanan dan penghasilan mengikut cara yang halal

2. Penyediaan Hotel Mesra-Halal dan Mesra-Muslim (Noriah Ramli, 2011; Wan Sahida Wan Zulkifli et. Al, 2011; Noor Fiteri Abdullah & Manisah Mukhtar, 2014 dan Mevlüt AKYOL dan Özgür KILINÇ, 2014).

Antara ciri-cirinya adalah:

- Tidak menghidang minuman beralkohol
- Menghidangkan makanan yang halal
- Menyediakan arah kiblat, kitab al-Quran dan peralatan solat setiap bilik
- Katil dan tandas tidak menghala ke arah kiblat di setiap bilik
- Gayung (cebok) dibilik mandi
- Bahan sabun mandi dan pencuci rambut yang mendapat pensijilan halal
- Bilik sembahyang untuk lelaki dan perempuan
- Majoriti kakitangan beragama Islam
- Pakaian kakitangan yang menutup aurat
- Kemudahan iftar dan sahur pada bulan Ramadhan
- Kemudahan rekreasi seperti perkhidmatan kolam renang, spa, gym dan bilik tetamu (guess room) yang mengasingkan lelaki dan perempuan
- Dendangan irama nasyid, lagu-lagu kemanusiaan serta laungan azan
- Kod pakaian tetamu yang menutup aurat
- Kakitangan wanita untuk aras wanita dan kakitangan lelaki untuk aras lelaki
- Tiada tempat hiburan seperti kelab malam
- Reka bentuk hotel yang Islamik (antaranya seni ukir tiada gambaran bentuk manusia)
- Perkhidmatan rancangan televisyen yang sesuai dengan Islam
- Makanan yang dihidangkan di dapur hendaklah mendapatkan pensijilan halal
- Bilik yang selesa dan harga yang berpatutan

3. Transaksi kewangan berkaitan urusan pelancongan yang patuh syariah (Zulkifli et al., 2011; Noriah Ramli, 2011; Wan Sahida Wan Zulkifli et. Al, 2011 dan Mevlüt AKYOL dan Özgür KILINÇ, 2014).

Antara ciri-cirinya adalah:

- Menggunakan prinsip perkongsian untung dan rugi
- Dilindungi dengan insurans Islam atau takaful
- Mengharamkan faedah atau riba
- Penggunaan dana pembiayaan Islam

4. Pengurusan Pengangkutan khusus kepada Perkhidmatan Kapal Terbang (*Airlines*) yang Mesra Muslim (Noriah Ramli, 2011; Wan Sahida Wan Zulkifli et. Al, 2011 dan Mevlüt AKYOL dan Özgür KILINÇ, 2014).

Antara ciri-cirinya adalah:

- Menyediakan keperluan dan kemudahan solat
- Menyediakan makanan halal
- Menjaga kebersihan
- Tidak menghidang minuman beralkohol
- Bahan bacaan dan penerbitan berkaitan dengan Islam
- Kemudahan menyewa peralatan solat dan penunjuk arah kiblat

5. Pemandu Pelancong dan Pakej Pelancongan Bertemakan Islam (Wan Sahida Wan Zulkifli et. al, 2011; Mevlüt AKYOL dan Özgür KILINÇ, 2014 dan Muhamed Battour & Mohd Nazari Ismail, 2015).

Antara ciri-cirinya adalah:

- Menyediakan perkhidmatan percutian secara penuh menurut prinsip Islam ( hotel atau resort halal etc)
- Menyediakan keperluan dan kemudahan solat
- Menyediakan makanan halal
- Melawat masjid serta kesan tinggalan sejarah dan warisan Islam
- Mempromosikan aktiviti semasa bulan Ramadhan
- Mempromosikan gerai-gerai serta buffet Hotel Halal
- Lawatan ke aktiviti-aktiviti berkaitan dengan Islam seperti persidangan halal dan aktiviti yang boleh dianggap sebagai ibadah kepada Allah SWT
- Pantai terbuka yang mengasingkan lelaki dan perempuan serta kod pakaian renang Islam dan kemudahan solat
- Kemudahan berorientasikan keluarga

Ciri-ciri patuh syariah yang disenaraikan merupakan rangkuman pendapat beberapa pengkaji bagi menterjemahkan kefahaman elemen patuh syariah dalam pelancongan Islam. Dalam melaksanakan ciri-ciri patuh syariah ini, pengetahuan terhadap prinsip patuh syariah adalah penting untuk difahami agar tidak bertentangan dengan syariat.

## **PELUANG KERJAYA DALAM INDUSTRI PELANCONGAN ISLAM**

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran pada Disember 2015 dan Januari 2016 adalah tidak berubah iaitu pada kadar 3.4 %. Daripada 385,800 penganggur di Malaysia, seramai 216,048 orang adalah graduan universiti. Antara punca berlakunya masalah ini adalah disebabkan oleh penguasaan Bahasa Inggeris yang lemah, masalah sikap graduan sendiri, mengharapkan pekerjaan dengan tingkat gaji yang tidak realistik, tidak memenuhi kehendak pasaran, bersikap terlalu memilih pekerjaan dan majikan, tiada kemahiran dalam penyelesaian masalah dan tahap pengetahuan yang lemah. (Berita Semasa, 2014).

Masalah pengangguran dalam kalangan graduan universiti boleh diatasi dengan cara graduan sendiri mengambil inisiatif mencari dan menerokai pelbagai peluang pekerjaan yang ditawarkan dalam pelbagai industri di pasaran. Industri pelancongan Islam turut menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada graduan dan tidak hanya terhad kepada graduan lulusan bidang pelancongan dan perhotelan sahaja. Peluang kerjaya dalam industri pelancongan Islam ini terbuka luas kepada semua graduan dari pelbagai bidang, asalkan mereka bersedia untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian dengan industri. Contohnya, mengikuti kursus jangka pendek kemahiran bahasa, komunikasi, hospitaliti, kulinari dan lain-lain.

Menurut fakta yang dikeluarkan oleh Jabatan Pelancongan Islam Malaysia, Malaysia berada di tangga pertama dalam senarai destinasi pelancongan Islam negara-negara OIC bagi tahun 2014/2015. Justeru itu, pastinya banyak peluang pekerjaan yang mampu diterokai oleh golongan penganggur di negara ini dalam bidang pelancongan mahupun bidang-bidang yang berkaitan.

Pada umumnya, peluang kerjaya dalam industri pelancongan boleh dibahagikan kepada dua aspek iaitu pekerjaan dan perniagaan (Mohamed Hassan, 2016). Bagi aspek pekerjaan, peluang kerjaya yang ditawarkan adalah melalui badan-badan kerajaan dan swasta seperti kementerian pelancongan, *Tourism Malaysia*, agensi pelancongan dan sebagainya. Dari segi aspek perniagaan pula, graduan berpeluang untuk bekerja sendiri dengan menjalankan perniagaan berkaitan dengan industri pelancongan seperti menjadi pembekal bahan mentah, pengusaha produk makanan, pengurup wang berlesen, cenderamata, penganjur pakej pelancongan bebas, perkhidmatan sewa kenderaan, perkhidmatan sewa pelbagai perkhidmatan seperti sewa bot memancing, jet-ski dan sebagainya.



Selain itu, peluang perniagaan terbuka luas dalam aktiviti pelancongan melalui pelayaran yang menjadi trend terkini dan semakin popular di Malaysia, khususnya pelancongan seperti pelayaran Islamik. Pelayaran seperti ini telah membuka peluang perniagaan dan kerjaya bukan sahaja kepada graduan yang mempelajari bidang pelancongan, namun turut membuka peluang kepada graduan di luar bidang pelancongan. Sebagai contoh, para ilmuan agama yang terkenal dipilih menjadi ikon untuk turut sama menyertai pelayaran Islamik bagi menjayakan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak agensi pelancongan.

Terdapat tiga peringkat kerjaya dalam bidang pelancongan iaitu peringkat pengurusan, peringkat pekerja pertengahan dan peringkat pekerja bawahan (Mohamed Hassan. 2016). Peringkat pengurusan melibatkan individu yang bertanggungjawab merancang, mengubal, menilai dan mengenalpasti peluang dalam industri pelancongan. Antara kerjaya di peringkat ini adalah seperti penggubal polisi pelancongan di peringkat kementerian, pengurus agensi pelancongan, pengurus operasi, pengurus pemasaran, pengurus syarikat kereta sewa dan sebagainya.

Pada peringkat pekerja pertengahan pula, tugas utamanya ialah mengawasi kerja-kerja pekerja bawahan dan menyelesaikan sebarang permasalahan yang timbul. Antara kerjaya yang berkaitan ialah eksekutif pemasaran, eksekutif operasi, pengurus bankuet, penyelia kaunter hadapan (*front office*), penyelia restoran makanan segera dan lain-lain. Manakala peringkat pekerja bawahan adalah mereka yang melaksanakan perancangan dengan pengawasan pekerja pertengahan. Peringkat ini merupakan golongan yang terpenting dalam industri pelancongan kerana mereka bertanggungjawab dalam memastikan perkhidmatan yang ditawarkan dapat disampaikan kepada pelanggan dengan sempurna. Sebagai contoh kerjaya di peringkat ini adalah penyambut tetamu hotel, pelayan, *housekeeping*, pemandu pelancong, pemandu bas persiaran, *bell boy* dan lain-lain.

Individu pada setiap peringkat kerjaya ini perlu mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang elemen patuh syariah yang merupakan asas utama dalam industri pelancongan Islam. Justeru itu, semua pihak disarankan agar berkongsi pengetahuan dan maklumat yang bersesuaian dan tepat tentang peluang kerjaya dalam industri pelancongan Islam kepada masyarakat. Bimbingan dan sokongan dari semua pihak juga adalah sangat penting bagi menjadikan kerjaya dalam industri ini sebagai satu pilihan utama seiring dengan kehendak Rancangan Malaysia ke 11 iaitu meningkatkan bilangan tenaga pakar dalam industri halal.

## **KESIMPULAN**

Dapatan kajian ini seharusnya dapat memberikan perspektif baru kepada masyarakat khususnya para graduan untuk memahami peluang kerjaya yang banyak dalam industri pelancongan Islam. Industri ini meliputi penyediaan kemudahan dan perkhidmatan dari bahagian penyediaan makanan halal, hotel mesra halal dan muslim, transaksi kewangan berkaitan urusan pelancongan yang patuh syariah, pengangkutan yang mesra halal dan muslim serta khidmat pemandu pelancong dan pakej pelancongan bertemakan Islam. Walaubagaimanapun, peluang kerjaya dalam industri pelancongan Islam ini dilihat secara umum sahaja. Secara kesimpulannya, kajian ini berusaha untuk membuka ruang dan peluang kepada semua pihak dalam memberi sumbangan untuk meningkatkan industri pelancongan Islam.

## **RUJUKAN**

- Dogan, M. 2011. Turkiye’de islami turizmin gelişimi: 2002-2009. In *Political Economy, Crises and Development*. In, Siriner, I., Morady, F., Mika, J., Aydin, M., Koc, S. A., Kapucu, H. & Dogan, E. (eds.), 471-487. Istanbul: IJOPEC Publication.
- Doi, A. R. I. 1984. *Shariah The Islamic Law*. London: Ta-Ha Publishers Ltd.
- Duman, T. 2011. Value of Islamic Tourism Offering: Perspectives from the Turkish Experience. In *World Islamic Tourism Forum (WITF, 2011)*, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Hassan A. R. 2007. Islamic tourism revisited. *Islamic Tourism*, 2(32).
- Henderson J. C. 2009. Islamic tourism reviewed. *Tourism Recreation Research*, 34 (2), 207-212.
- Henderson, J. C. 2010. Chapter 6: Islam and tourism. In *Bridging Tourism Theory and Practice*. Scott, N. and Jafari, J. (eds), 75-89. Emerald Group Publishing. Henderson, J. C. (2010). Sharia-compliant hotels. *Tourism and Hospitality Research*, 10(3), 246-254.
- Mevlüt AKYOL & Özgür KILINÇ. 2014. Internet And Halal Tourism Marketing. *International Periodical For The Languages, Literature and History of Turkish or Turkic*. Volume 9/8, 171-186. Ankara, Turkey
- Mohamed Battour & Mohd Nazari Ismail. 2015. Halal tourism: Concepts, practises, challenges and future. *Tourism Management Perspectives*. [https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00004742\_130855.pdf]
- Mohamed Hassan. 2016. *Belia dan Pelancongan: Kemahiran, Pengetahuan & Peluang Kerjaya*. Seminar Pelancongan Islam anjuran Fakulti Pengurusan Hospitaliti, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), 26 Julai 2016.
- Noriah Ramli (2011) *Halal Tourism: the untapped market for the halal industry and its services*. In: The Halal Industry and Its Services Conference, Kuwait, 2011, 24-26 January 2011, Kuwait City
- Shakiry, A. S. 2006. The academy of Islamic tourism project. *Islamic Tourism*, 25, September-October. Retrieved from <<http://islamictourism.com/PDFs/Issue%2025/English/6%20itp%20arabe.pdf>

Unit Perancang Ekonomi. 2016. <http://www.epu.gov.my/>

Wan Sahida Wan Zulkifli, Suhaimi Ab Rahman, Khairil Wahidin Awang and Yaakob B. Che Man, 2011. Developing the Framework for Halal Friendly Tourism in Malaysia. *International Business Management*, 5: 295-302.

Zamani-Farahani, H. & Henderson, J. C. 2010. Islamic Tourism and Managing Tourism Development in Islamic Societies: The Cases of Iran and Saudi Arabia, *International Journal of Tourism Research*, 12(1), 79–89.